

UIAM, tiga kampung tenggelam

GOMBAK - Hujan lebat berterusan lebih dua jam bermula jam 2.30 petang semalam, menyebabkan beberapa kampung termasuk Sungai Cincin, Sungai Pusu dan Gombak Utara dinaiki air.

Banjir itu juga antara terburuk apabila sekurang-kurangnya lima kawasan dalam kampus Universiti Islam Malaysia (UIAM) ditenggelami air setinggi tiga hingga lima meter menyebabkan sekurang-kurangnya enam kenderaan kakitangan dan pelajar tersangkut.

Menurut Penghulu Mukim Setapak, Mohd Fazli Abd Latif, hampir seratus keluarga terlibat insiden itu.

Katanya, bantuan awal disalurkan Pusat Khidmat Tabung Bencana daerah Gombak, Pusat Khidmat

Rakyat Gombak Setia, wakil rakyat dan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

"Selasa lalu, kerja pemantauan dibuat melibatkan kawasan tersebut yang kerap dinaiki air setiap kali hujan lebat termasuk insiden runtuh cerun setinggi sepuluh meter.

"Runtuh cerun melibatkan tanah jenis persendirian dan tindakan pemasangan kanvas akan dilakukan segera bagi mengelak keadaan lebih buruk berlaku," katanya.

Namun, tiada kehilangan nyawa dilaporkan namun kelewatan kerja pengukuhan dikhawatirkan menyebabkan runtuh menutup laluan utama menghala ke kawasan perumahan Desa Gemilang.

Belum enam bulan pakai kereta



Kesan banjir lumpur di jalan menghala ke Kampung Sungai Pusu.

"Tak sampai enam bulan keluar kereta sekarang dah rosak sebab ditenggelami air."

Itu antara insiden yang terpaksa dilalui pemilik kenderaan, Fatimah Hasan, 23, yang tidak menyangka kawasan tempat letak kereta penuntut UIAM itu dinaiki air.

Dia ke Dewan Kuliah Architecture & Environmental Design (Kaed) sekitar jam 2.30 petang untuk menghadapi peperiksaan.

"Jam 2.30 sampai memang hujan tengah lebat tapi masa itu air tak naik lagi. Masa dalam dewan saya hanya fokus jawab periksa saja dan tak fikir langsung pasal kereta kerana tak sangka kawasan itu boleh naik air. Saya hanya tahu keadaan kereta selepas keluar dewan dan ketika itu air telah surut," katanya.

Seorang lagi pelajar, Khairun Amirah Salehin, 23, memberitahu salah seorang rakannya yang keluar awal dari dewan memaklumkan kejadian itu selepas mendapat maklumat menerusi laman Facebook.

"Lepas keluar dewan, kami buka telefon bimbit dan ter-nampak kejadian banjir dalam UIAM dan terkejut kereta saya terlibat sama.

"Sampai saja di kereta air telah surut dan nampak kereta teralih sedikit ke kanan manakala air dalam kereta sampai ke separuh tempat duduk," katanya.

Kereta itu dipinjamkan kakaknya yang juga penuntut universiti yang sama untuk ke dewan peperiksaan selepas terkandas akibat hujan lebat.

Lihat kereta mula tenggelam

"Panik mendengar suasana riuh rendah, saya bergegas keluar dari makmal dan terkejut mendapati kereta di kawasan parkir dinaiki air," kata salah seorang penuntut UIAM, Amirul Hafiz Abdul Hamid, 24.

Menurutnya, ketika kejadian dia sedang belajar di makmal di fakultinya sebelum dimaklumkan mengenai kejadian banjir kilat terbabit.

"Saya hanya mampu me-

lihat kereta Proton Satria saya ditenggelami air hingga melebihi paras tayar.

"Saya tidak berani berbuat apa-apa tetapi segera hubungi bapa untuk urusan bawa keluar kereta," katanya, semalam.

Sementara itu, bagi pelajar jurusan Ekonomi dan Sains Pengurusan, Abu Huzaifah Zulkifli, 22, dia menyedari kejadian ketika menuju pulang ke asramanya di universiti.

"Keadaan agak cemas ketika itu. Saya tidak berani meredah air dan mampu me-

nunggu sehingga air surut.

"Saya tidak berani menanggung apa-apa risiko dan mengelakkan perkara buruk berlaku terutama bila melihat beberapa kenderaan tenggelam hampir separuh," katanya.

Sementara itu, Pengawal keselamatan, Jamil Jaafar berkata, dua pintu masuk kampus itu terpaksa ditutup sekurang-kurangnya setengah jam.

"Sebelum ini memang ada banjir tapi tak seteruk kali ini hingga menyebabkan kenderaan tenggelam," katanya.



Keadaan di laluan masuk dari pintu 3 kampus UIAM antara kawasan terjejas dan air lambat surut.



FOTO: ORIENTAL DAILY



Penuntut UIAM bekerjasama membantu mengeluarkan kenderaan yang terperangkap dalam banjir.



Kawasan tempat letak kereta yang dinaiki air menyebabkan sekurang-kurangnya enam kereta terjejas.



Khairun Amirah menunjukkan kesan paras air yang masuk ke dalam kereta.



Salah seorang pelajar UIA melihat keadaan kereta milik Fatimah yang terjejas akibat ditenggelami air banjir.